

## *Adat Linggi*

### MASYARAKAT LINGGI YANG UNIK



TURAN hidup orang Linggi bukannya Adat Perpatih walaupun wilayah Linggi terletak dalam dan menjadi sebahagian daripada Negeri Sembilan yang terkenal dan sering diasosiasikan dengan Adat Perpatih. Cara hidup yang berlainan daripada Adat Perpatih bukannya satu proses perubahan yang baru berlaku tetapi telah diamalkan semenjak mereka berada di Negeri Sembilan. Orang Linggi adalah keturunan Bugis tetapi mereka tidak pula mengamalkan cara hidup orang Bugis. Ketidaksamaan aturan hidup mereka dengan orang Bugis lain di Semenanjung Tanah Melayu juga bukanlah satu perubahan yang baru tetapi telah terjadi sejak mereka meneroka wilayah Linggi.

Pada dasarnya orang keturunan Bugis di Linggi melandaskan kehidupan mereka atas sistem keturunan nasab bapa atau *patrilineal*. Sistem ini adalah bertentangan dengan sistem keturunan masyarakat lain di bahagian pedalaman atau darat Negeri Sembilan. Masyarakat Negeri Sembilan di bahagian darat menjuraikan keturunan mereka berdasarkan sistem nasab ibu atau *matrilineal* yang menjadi inti pati sistem Adat Perpatih. Sistem adat masyarakat Linggi juga berbeza dengan masyarakat Melayu yang sedaerah dengannya, iaitu daerah Port Dickson. Daerah Port Dickson, sebelum akhir abad ke-19 adalah di bawah kekuasaan kerajaan Selangor dengan pusat pentadbirannya di Lukut. Lukut dan bahagian pantai Negeri Sembilan kini (iaitu daerah Port Dickson) dikuasai oleh putera-putera Bugis dan adalah sebahagian daripada kerajaan Selangor yang juga dirajai oleh keturunan daing-daing Bugis. Sebahagian besar daripada penduduk di kawasan tersebut juga berketurunan Bugis. Namun jika dibandingkan sistem adat tradisional masyarakat pantai itu dengan wilayah Linggi akan terdapat perbezaan dasar. Oleh yang demikian, dapatlah dikatakan bahawa adat amalan masyarakat Linggi berbeza dengan adat wilayah (mukim-mukim) lain dalam daerah Port Dickson.

Adat Linggi bukan Adat Perpatih. Konsepsi masyarakat umum ialah apabila bukan Adat Perpatih maka pastilah Adat Temenggung. Rumusan

ini dikuatkan lagi dengan adanya fahaman bahawa Adat Temenggung itu ialah sistem nasab bapa yang juga menjadi dasar sistem sosial masyarakat Linggi. Namun faktor ini tidak harus dijadikan petunjuk untuk menyatakan bahawa Adat Linggi itu adalah Adat Temenggung. Dalam mengkaji adat Linggi daikotomi Adat Perpatih/Adat Temenggung tidak harus digunakan.

Adat Perpatih dan Adat Temenggung adalah berpunca daripada satu sistem, kemudian berpecah menjadi dua. Antara kedua-dua adat ini agak sukar hendak dibezakan. Dari segi praktikalnya kedua-dua sistem ini banyak yang bertindan dan lebih banyak persamaan daripada perbezaannya.<sup>1</sup> Tegasnya Adat Perpatih dan Adat Temenggung itu adalah kembar. Apa yang penting dinyatakan di sini adalah kedua-dua adat ini berasal dari Minangkabau, Sumatera Barat, yang kononnya tempat asal sebahagian besar masyarakat Melayu Negeri Sembilan.

Sebaliknya pula masyarakat Linggi adalah keturunan generasi kedua orang Bugis di Riau. Sejarah membuktikan bahawa antara kedua-dua suku bangsa ini, mereka lebih sering bermusuhan daripada berbaik-baik. Hampir sepanjang sejarah migrasi dan pendudukan orang Bugis di perairan di Selat Melaka dipenuhi dengan konflik antara mereka dengan suku bangsa Minangkabau. Dalam konflik-konflik tersebut tidak pernah salah satu daripada suku bangsa itu mengatasi atau mendominasi suku bangsa yang lain. Dengan demikian tidak mungkin orang keturunan Bugis yang terkenal dengan budaya sirinya akan berkompromi atau mengasimilasi budaya Minangkabau ke dalam budaya mereka. Keadaan ini membolehkan kita untuk merumuskan bahawa adat orang Linggi bukannya Adat Temenggung.

Berdasarkan kenyataan-kenyataan ringkas di atas nyatalah bahawa adat yang diamalkan oleh orang Linggi bukannya Adat Perpatih, bukannya Adat Temenggung dan juga bukan adat Bugis tulen. Adat orang Linggi ialah adat yang tersendiri lagi unik.

#### PEMBENTUKAN ADAT LINGGI

Sejarah pembentukan Adat Linggi berkait rapat dengan proses penghijrahan Datuk Awaludin dan Datuk Serilah dari Riau. Malahan pernyataan yang menyatakan bahawa Adat Linggi itu disusun asasnya oleh Datuk Awaludin dan Datuk Serilah tidak lari jauh daripada fakta sebenarnya. Mengikut tradisi pensejarahan Linggi ada satu fakta umum yang sering dilakukan oleh kedua-dua orang pengasas ini dalam menghadapi sebarang krisis sebelum mereka bertindak. Faktor ini jelas terbayang pada ketika sebelum mereka 'lari' dari Riau dan juga dalam masa proses penghijrahan mereka dari Riau. Peristiwa-peristiwa tersebut ialah:

1. *Peristiwa mengambil semula harta pusaka di Sulawesi.* Dalam masa belayar dari Riau ke Sulawesi untuk tujuan ini atas titah ayah mereka, kedua-dua orang adik-beradik itu bersama pengikut-

pengikutnya telah *bermuafakat* untuk mengambil semula harta-harta tersebut secara damai tanpa berperang dan pertumpahan darah. Setelah *berkebulatan*, mereka bertindak sedemikian dan telah berjaya mencapai kejayaan.

2. *Ekspedisi kedua mengambil semula harta pusaka di Sulawesi*. Walaupun mereka berjaya mendapatkan harta itu secara damai, ayah mereka telah menganggap cara itu sebagai 'hina' dan memerintahkan mereka untuk balik semula ke Sulawesi dan 'berperang' semula. Arahan ini telah dibatalkan, setelah *dimuafakatkan* dan mendapat *kebulatan*.
3. *Melarikan diri dari Riau*. Berikutan pembatalan untuk 'berperang merampas semula harta pusaka' di Sulawesi itu, kedua-dua adik-beradik itu telah pula *muafakat* dan *berkebulatan* untuk tidak lagi balik ke Riau' tetapi mencari petempatan baru.
4. *Penyusunan rangka dasar Adat Linggi*. Setelah *berkebulatan* untuk berpindah mereka juga telah *muafakat* mencari garis dasar cara hidup baru kerana mereka tidak bersetuju dengan amalan adat ayah mereka, tegasnya Adat Bugis di Riau. Akhirnya mereka telah *berkebulatan* untuk mengamalkan atur cara hidup baru yang berlandaskan hukum syarak dan sunah nabi. Atur cara hidup baru ini telah dinamakan *Muafakat Bil Kitalo Wassunati Gabulatan Minat Ustaz Yamonati*, ringkasnya dalam bahasa Melayu ialah *Adat Muafakat dan Kebulatan* dan kemudian dikenali dengan nama *Adat Linggi* sahaja.

Daripada huraian di atas, nyatalah bahawa Adat Linggi itu berasaskan muafakat dan kebulatan. Setelah proses ini berjalan (muafakat) dan tercapai (kebulatan) maka keseluruhan ahli kumpulan (pengikut-pengikut Datuk Awaludin dan Datuk Serilah) telah bergerak dan bertindak sebagai *satu badan* yang padu, tanpa pengecualian. Perpaduan yang jitu sebagai satu badan ini terbukti apabila Datuk Awaludin dan Datuk Serilah *bermuafakat* dan *berkebulatan* untuk pindah dari Kampung Bandar Penajis di Rembau mencari petempatan baru. Semua orang Bugis Riau itu telah berpindah. Kemudian, apabila petempatan baru itu gagal 'dibuka', maka sebagai satu badan mereka telah balik semula ke Kampung Bandar Penajis di Rembau.

#### DATUK MUDA LINGGI

Linggi pada zaman agungnya adalah ditadbirkan oleh seorang waris yang dilantik menjadi Datuk Muda. Gelaran Datuk Muda bagi pemimpin tertinggi Wilayah Linggi mula digunakan pada sekitar tahun 1820, iaitu apabila Mohamad Attas dilantik menjawatnya. Gelaran Datuk Muda kekal digunakan hingga ke hari ini. Sebelum itu, sejak Linggi wujud sebagai satu entiti politik, gelaran pemimpin tertinggi Linggi ialah penghulu dan telah disan-

dang oleh dua orang, iaitu Lebai Dolman dan Jeragan Abdul Rahman.

Kedudukan Datuk Muda dalam negeri Linggi mengikut Wilkinson (1921:138) adalah separuh merdeka dalam kerajaan Sungai Ujong. Kenyataan Wilkinson ini adalah berdasarkan keadaan Linggi selepas tahun 1874 atau pada bahagian akhir abad ke-19. Sebelum itu berdasarkan fakta sejarah dan meneliti tindak-tanduk Datuk Muda yang memerintah dari semua aspek pentadbiran Linggi (ekonomi, politik, sosial serta lain-lain lagi), baik yang berkaitan dengan hal ehwal luar mahupun dalam negeri, Datuk Muda Linggi adalah berkuasa mutlak.

Dengan adanya kedudukan yang sedemikian ini maka Datuk Muda itu dikatakan sebagai:

Bergajah tunggal,  
Menggenting putus,  
Meliang tembus,  
Memakan habis,  
Membunuh mati,  
Menggantung tinggi,  
Merendam basah.

Keputusan Datuk Muda adalah muktamad dan tidak boleh diganggu-gugat oleh sesiapa pun. Seorang Datuk Muda itu bergajah tunggal di dalam wilayahnya, bererti beliau merupakan ketua yang tunggal atau satu-satunya yang boleh menentukan apa-apa juga dasar wilayahnya dan segala yang timbul di Linggi adalah menjadi tanggungjawabnya yang mutlak untuk menyelesaikannya. Ringkasnya, perkara di Linggi, habis di Linggi sahaja. Namun, jikalau tumbuh perkara yang benar-benar tidak boleh diselesaikan atau beliau tidak dapat memutuskannya dengan serta-merta maka beliau perlu bermesyuarat dan bermuafakat dengan orang besarnya. Selepas mencapai kebulatan, barulah beliau membuat atau memberi keputusan.

Jikalau beliau dan pembesar-pembesarnya tidak juga dapat memutuskan perkara-perkara tersebut barulah Datuk Muda menyerahkannya kepada pertimbangan ibu dan bapa tetapi itu pun tidak boleh dibuat mengikut sesuka hati Datuk Muda itu. Keputusan untuk menyerahkan sesuatu perkara itu kepada kedua-dua ibu bapa bergantung kepada persetujuan serta kebulatan segala waris terlebih dahulu. Ini bererti campur tangan kedua-dua ibu bapa itu diperlukan hanya apabila perkara itu diserahkan kepada mereka. Selagi waris-warisi Linggi tidak berkebulatan menyerahkan sesuatu perkara itu kepada mereka, kedua-dua ibu bapa tidak berhak langsung untuk campur tangan.

Berikutan dengan kedudukannya ini, Datuk Muda Linggi tidak pernah datang menghadap Datuk Kelana dalam apa-apa upacara yang diadakan di Sungai Ujong. Ini termasuklah perayaan Hari Raya dan temasya-temasya lain semasa pembesar-pembesar Sungai Ujong, iaitu Datuk-datuk Lem-

baga datang menghadap Datuk Kelana. Kedudukan Datuk Muda Linggi dalam dan di kalangan Datuk-datuk Sungai Ujong adalah *tiada beradat kedudukannya*.

Untuk beberapa tahun selepas 1874 kedudukan Datuk Muda Linggi adalah dalam transisi daripada keadaan merdeka penuh kepada separuh merdeka. Ini jelas terbukti dalam peristiwa-peristiwa yang berlaku, iaitu dalam tahun 1877 beliau telah mengambil bahagian penting dalam perundingan tentang Simpang, dalam tahun 1788, beliau ialah Ahli Dewan Negeri Sungai Ujong dan dalam tahun 1883 beliau ialah salah seorang daripada penanda tangan surat Perjanjian Rembau di Melaka. Hanya sejak awal abad ke-20 Datuk Muda Linggi hilang kuasa mutlaknya. Kekuasaannya terhad pada perkara-perkara yang bersangkutan-paut dengan adat nikah kahwin dan harta pusaka sahaja.

Sejak awal tertubuhnya institusi Datuk Muda Linggi sehingga tahun 1932, cara perlantikannya adalah dengan jalan muafakat dan kebulatan waris-waris Linggi sahaja. Apabila Datuk Muda yang sedang memerintah meninggal dunia, segala waris tua bermuafakat dan berkebulatan memilih seorang daripada mereka yang layak untuk menggantikan Datuk Muda. Proses ini dikatakan sebagai:

Berganti mati berkebulatan,  
Berganti hidup berkerelaan serta berkebulatan;

atau

Ganti hidup berkerelaan,  
Ganti mati berkerapatan.

Setelah mendapat kebulatan segala waris yang tua, barulah diberitahu kepada Datuk Panglima Besar dan meminta beliau menyampaikan kebulatan ganti Datuk Muda itu kepada Datuk Syahbandar Sungai Ujong. Datuk Syahbandar pula akan menyembahkannya kepada Datuk Kelana untuk disahkan dan diisytiharkan.

Jikalau waris tua Linggi tidak mencapai kebulatan tentang siapa yang hendak dilantik, mereka haruslah berkebulatan pula untuk memulangkan hal perlantikan itu kepada ibu dan bapa Linggi. Dengan itu ibu dan bapa berkuasa penuh untuk memilih sesiapa sahaja asalkan ganti Datuk Muda Linggi itu adalah salah seorang daripada waris Linggi. Cara ini pernah terjadi pada sekitar tahun 1893, iaitu selepas kematian Datuk Muda Mohamad Farghal. Ahli waris yang dilantik pada ketika itu atas kehendak ibu dan bapa, setelah para waris Linggi berkebulatan menyerahkan perlantikan itu kepada mereka ialah Mohamad Bastam yang kebetulan sedang menyandang pusaka Datuk Panglima Bear. Dalam kes perlantikan ini apa yang harus diambil perhatian ialah Datuk Panglima tidak boleh dianggap sebagai bakal Datuk Muda.

Berikutan dengan kematian Datuk Muda Mohamad Bastam pada tahun

1912, pusaka Datuk Muda telah digantung untuk selama tidak kurang daripada 20 tahun. Apabila jawatan itu dipulihkan semula pada tahun 1932, sistem pemilihan dan perlantikan Datuk Muda mengalami perubahan. Mulai dari tahun itu, atas tuntutan bapa Linggi, iaitu Datuk Kelana Sungai Ujong, perlantikan pusaka itu adalah berdasarkan perut dan digilirkan. Perut-perut yang dibentuk itu ialah Perut Solok, Perut Hilir dan Perut Pangkalan. Selain digilirkan mengikut perut, Datuk Kelana juga meminta supaya waris Linggi menitikberatkan kebulatan dalam erti kata yang sebenarnya, iaitu *seperti bulat telur terkupas*. Seandainya kebulatan seperti itu tidak dapat, ibu dan bapa berkuasa ke atas lantikan menggantikan Datuk Muda. Perlantikan bergilir mengikut perut ini telah diamalkan hingga ke hari ini.

Datuk Muda Linggi bukannya satu kebesaran yang 'diberi-beri' sahaja, tetapi adalah satu pangkat yang 'dipinjamkan' oleh waris kepada calon Datuk Muda kerana sebab-sebab tertentu. Sebab-sebab yang menjadi syarat untuk melantik Datuk Muda ialah:

1. Kaya, supaya dia dapat membeli senjata dan memelihara Linggi daripada musuh.
2. Berakal dan bijak, supaya dia senang menjalankan keadilan di dalam pentadbirannya.
3. Baik dan tiada cacat cedera.
4. Pemurah dan tidak keras hati kepada saudara-maranya yang ada; tegasnya waris Linggi.
5. Sudah berumur orangnya.
6. Disetujui oleh segala waris.

(Mohamad Ali bin Haji Abdul Aziz, 1960:40)

Sesudah disahkan oleh Datuk Kelana, Datuk Muda Linggi dikehendaki mengadakan istiadat *kerjan* bagi dirinya, iaitu suatu keramaian di rumahnya sendiri. Semasa upacara itu diadakan salasilah Datuk Muda baru itu akan dibacakan dengan disaksikan oleh kedua-dua ibu dan bapa Linggi.

Dalam mentadbirkan Linggi Datuk Muda dibantu oleh tiga orang pembesar. Mereka terdiri daripada Datuk Panglima Besar, Datuk Panglima Perang dan Datuk Laksamana. Ketiga-tiga orang besar ini dianggap sebagai 'ibu dan bapa' kepada sekalian waris Linggi. Pada masa lampau, mereka memang diharapkan untuk menyelesaikan segala masalah yang berkaitan dengan kehidupan anggota masyarakat Linggi. Jikalau ada apa-apa yang kusut, ahli waris boleh meminta salah seorang daripada Orang Besar itu untuk menyelesaikannya; atau memanjangkannya ke atas lagi, iaitu kepada Datuk Muda, seperti kata adat:

Jika ke bukit dia mendakikan,  
 Jika ke lurah dia menurunkan,  
 Kusut-kusut dia menyelesaikan.



## DATUK PANGLIMA BESAR

Kedudukan Datuk Panglima Besar ialah tongkat sokong dan seolah-olah menteri kepada Datuk Muda, di samping menjadi ketua waris dan tuan rumah. Tuan rumah di sini antara lain bermaksud apabila ibu dan bapa datang ke Linggi maka mereka harus menepati dan singgah dahulu di rumah Datuk Panglima Besar.

Sebagai ketua waris, adalah tanggungjawab beliau untuk mengurus dan memutuskan perkara-perkara kecil seperti mendamaikan pergaduhan dan menyelesaikan perselisihan faham di kalangan waris. Segala keputusannya mesti disampaikan kepada Datuk Muda. Seandainya masalah itu tidak mampu diputuskannya beliau harus membawanya kepada Datuk Muda untuk mencari penyelesaiannya.

Sebagai tongkat sokong dan menteri Datuk Muda, Datuk Panglima Besar bertanggungjawab membantu Datuk Muda mengendalikan tugasnya. Tegasnya beliau ialah pembantu utama Datuk Muda. Datuk Muda pula, dalam apa juga perkara yang hendak dibuatnya haruslah berunding dahulu dengan Datuk Panglima Besar. Dengan demikian, dalam struktur kepimpinan Linggi, Datuk Panglima Besar itu kedua pentingnya di bawah Datuk Muda.

Institusi Datuk Panglima Besar diwujudkan pada zaman pemerintahan Datuk Muda Mohamad Attas (1820–50). Waris yang pertama menyandang pusaka ini ialah Haji Abdul Jalal. Pada masa itu Linggi sedang naik sebagai wilayah militari, justeru itu Datuk Muda Mohamad Attas memerlukan seorang pembantu untuk mengendalikan tugas mentadbir negeri dengan lebih efisien.

Pada zaman awal, perlantikan Datuk Panglima Besar adalah atas kebulatan melalui muafakat semua waris. Setelah mendapat kebulatan ia dibawa kepada Datuk Muda untuk disahkan. Jika para waris tidak dapat kebulatan, perlantikan itu dipulangkan kepada Datuk Muda. Seperti juga institusi Datuk Muda, institusi Datuk Panglima Besar ini juga telah mengalami perubahan dalam cara perlantikannya. Pada bahagian awal abad ke-20 perlantikan Datuk Panglima Besar adalah berdasarkan perut dan bergilir. Kebulatan yang dicapai untuk perlantikan datuk ini mencukupi dengan kebulatan segala waris yang seperut sahaja.

## DATUK PANGLIMA PERANG

Di paras ketiga dalam hierarki kepimpinan Linggi dan di bawah Datuk Panglima Besar ialah Datuk Panglima Perang. Pusaka ini juga telah diwujudkan oleh Datuk Muda Mohamad Attas, iaitu pada masa yang lebih kurang sama dengan kejadian Datuk Panglima Besar. Oleh sebab Linggi pada masa itu merupakan sebuah wilayah militari, tujuan utama perlantikan

institusi Datuk Panglima Perang ini adalah untuk membantu Datuk Muda dalam urusan pertahanan Linggi.

Apabila Linggi tidak lagi bersifat ketenteraan, tugas datuk ini turut berubah. Pada masa aman, tugas datuk ialah melayan orang dan dia berkuasa untuk menengok dan menyelesaikan perkara-perkara kecil sahaja. Pendek kata beliau adalah pembantu kepada Datuk Panglima Besar. Justeru itu, dari segi pentadbiran Linggi, beliau ialah tongkat sokong kepada Datuk Panglima Besar. Segala masalah yang tidak dapat diselesaikannya haruslah diserahkan kepada Datuk Panglima Besar bagi mendapatkan penyelesaian seterusnya.

Selain menjalankan tugas-tugas tersebut, Datuk Panglima Perang juga ditugaskan untuk mencari kebulatan segala waris tua di Linggi apabila hendak menegakkan pusaka Datuk Muda. Kemudian barulah diserahkan kebulatan itu kepada Datuk Panglima Besar untuk disampaikan kepada ibu dan bapa Linggi.

Perlantikan mengisi pusaka Datuk Panglima Perang ini pada awalnya adalah berdasarkan muafakat dan kebulatan semua waris. Apabila waris-waris tidak dapat mencari kebulatan barulah perlantikan itu menjadi hak mutlak Datuk Muda untuk memilihnya. Selepas tahun 1935 cara perlantikan datuk ini berubah, iaitu berdasarkan giliran mengikut perut. Namun dalam masa pemerintahan Datuk Muda Syed Ahmad, perlantikan Abdul Samad sebagai Datuk Panglima Perang pada 1 September 1943, tidak mengikut giliran perut. Abdul Samad juga adalah anak pusaka (waris daripada keturunan sebelah lelaki) dan bukan anak waris (daripada keturunan waris perempuan).

### DATUK LAKSAMANA

Datuk Laksamana seperti juga Datuk Panglima Perang, ialah tongkat sokong kepada Datuk Panglima Besar. Sebagai tongkat sokong beliau boleh menengok dan menyelesaikan perkara-perkara kecil. Di samping itu, beliau juga adalah 'mata telinga' kepada Datuk Muda dan Datuk Kelana Sungai Ujong. Beliau adalah bertanggungjawab melihat dan menyiasat hal-hal yang berlaku di Linggi dan bersama dengan Datuk Panglima Besar dan Datuk Panglima Perang akan menyampaikan peristiwa itu kepada Datuk Muda yang akan membawanya pula kepada pengetahuan ibu dan bapa.

Kemunculan Datuk Laksamana dalam struktur kepimpinan Linggi agak berbeza jika dibandingkan dengan kejadian pembesar-pembesar Linggi yang lain. Datuk Laksamana tidak dijadikan oleh Datuk Muda Linggi. Gelaran ini telah diberikan oleh Datuk Kelana Syed Ahman kepada seorang waris Linggi bernama Mohamad Said. Menurut cerita asal usulnya yang dirakamkan oleh Mohamad Ali bin Dahlan (1976:107-8), semasa Datuk Kelana mengadakan majlis perkahwinan anaknya, pada sebelah malamnya sedang tetamu berada di atas rumah salah satu daripada rasuk rumah



Datuk Kelana telah patah. Dalam keadaan kelim-kabut itu Mohamad Said telah menebang sebatang pisang yang besar berhampiran dengan rumah tersebut. Dengan segala kekuatannya dia telah memikul rasuk yang patah tadi dan dilandaskan batang pisang tadi di tempat yang patah itu. Memandangkan kepada kekuatan yang luar biasa yang ada pada diri Mohamad Said maka Datuk Kelana telah memberikan gelaran Datuk Laksamana Linggi kepada beliau. Maka kekallah gelaran itu sehingga hari ini.

Perlantikan Datuk Laksamana yang kedua dan berikutnya adalah melalui muafakat dan kebulatan waris-waris Linggi. Apabila sudah bulat waris-waris menamakan seseorang sebagai calon maka nama itu disampaikan kepada Datuk Panglima Besar untuk disampaikan pula kepada Datuk Muda yang akan mengesahkan perlantikan itu. Hanya jikalau tidak terdapat kebulatan waris-waris barulah Datuk Muda berkuasa memilih dan melantik. Dengan demikian, sungguhpun Datuk Laksamana Mohamad Said telah dilantik sebagai Datuk Kelana Sungai Ujong, namun kuasa melantik Datuk Laksamana yang berikutnya telah diserahkan kepada Datuk Muda.

Bagaimanapun, jika dilihat daripada salasilah Datuk-datuk Laksamana yang telah lepas, sama ada sedar ataupun tidak, secara kebetulan penyandang-penyandang pusaka tersebut daripada yang pertama sehingga kelima adalah daripada keturunan Datuk Serilah. Hanya Datuk Laksamana Abdul Kudus, iaitu Datuk Laksamana yang keenam berasal daripada keturunan Datuk Awaludin.

## DATUK KANDA

Sejarah kewujudan institusi ini tidak dapat dipastikan dengan tepat. Yang dapat dikesan daripada manuskrip-manuskrip Linggi ialah gelaran ini telah digunakan oleh Ali semasa Linggi mula dibuka. Datuk Kanda Ali telah turut bersama-sama rombongan Lebai Dolman meneroka hutan untuk mendirikan perkampungan Linggi. Oleh sebab manuskrip-manuskrip Linggi menyatakan bahawa Ali, pada masa meneroka perkampungan Linggi telah pun bergelar Datuk Kanda maka ini bererti gelaran itu telah dibawahnya daripada Kampung Bandar Penajis di Rembau. Ini juga bererti gelaran itu telah wujud lebih awal daripada gelaran Penghulu Linggi dan Datuk Muda Linggi.

Menurut cerita lisan Imam Ambak, seperti yang dilaporkan oleh Mohamad Ali bin Dahlan (176:99), pada masa pemerintahan Lebai Dolman dan Jeragan Abdul Rahman sebagai Penghulu Linggi, Datuk Kanda itu adalah seorang pembesar Linggi. Fungsi Datuk Kanda pada ketika itu ialah sebagai pembantu kepada Penghulu Linggi dalam mengendalikan urusan harian kerajaan Linggi. Segala perkara yang hendak dibuat adalah hasil rundingan Penghulu Linggi dengan Datuk Kanda serta waris-waris tua Linggi yang lain. Tugas Datuk Kanda pada ketika itu dapat disamakan dengan tugas Datuk Panglima Besar.

Berikutan dengan kematian Datuk Kanda Ali, manuskrip-m Linggi tidak lagi menggunakan gelaran itu kepada mana-mana Linggi. Gelaran atau pusaka itu seolah-olah tidak digunakan lagi setelah Datuk Kanda Ali meninggal dunia. Di sini timbul persoalan sama ada gelaran Datuk Kanda adalah gelaran peribadi Ali atau gelaran anugerah yang diperolehinya di tempat lain, mungkin di Rembau. Seandainya demikian, apabila beliau meninggal dunia, gelaran Datuk Kanda itu telah dibawanya bersama. Gelaran itu tidak diwariskan kepada ahli waris Linggi yang lain kerana ia bukan gelaran yang dianugerahkan oleh pemimpin Linggi. Bagaimanapun untuk menjawab persoalan ini, satu kajian terperinci harus dilakukan.

Pada tahun 1932, gelaran Datuk Kanda ini telah diwujudkan semula oleh Datuk Muda Hassan. Mengikut Gullick (1949:63), fungsi Datuk Kanda (mungkin yang dimaksudkan oleh Gullick Datuk Kanda yang terlantik pada tahun 1932) adalah bertanggungjawab atas segala adat istiadat yang berhubungan dengan institusi Orang Besar Linggi. Tegasnya beliau ialah seorang pegawai Datuk Muda yang bertugas sebagai ketua adat istiadat di balai Datuk Muda.

Datuk Muda Hassan telah melantik Zakaria bin Mohamad Said atau lebih terkenal dengan nama Tok Ngah Kerani sebagai Datuk Kanda. Pada tahun 1937 beliau telah meninggal dunia. Datuk Muda Syed Ahmad telah meneruskan pusaka itu dengan melantik Abdul Jalal sebagai Datuk Kanda yang baru. Pusaka ini tidak diwariskan lagi kepada sesiapa pun sehingga ke-hari ini, selepas Datuk Kanda Abdul Jalal meninggal dunia pada tahun 1945.

#### DATUK JAYA PERMATANG PASIR DAN DATUK BENTARA SETIA PANGKALAN DIAN

Kedua-dua gelaran ini tidak pernah disebut oleh mana-mana manuskrip dan sejarah lisan Linggi. Kedua-dua institusi ini telah diwujudkan oleh Datuk Muda Hassan, mungkin pada masa yang sama dengan perwujudan Datuk Kanda, iaitu pada tahun 1932. Mohamad atau lebih terkenal dengan nama Mohamad Tahi Minyak ialah orang pertama dan terakhir menyandang gelaran Datuk Jaya Permatang Pasir. Pusaka Datuk Bentara Setia Pangkalan Dian pula telah disandang oleh Abdul Hamid bin Idris. Seperti Datuk Jaya Permatang Pasir beliau ialah waris pertama dan terakhir menyandang pusaka tersebut.

#### MASYARAKAT LINGGI

Mengikut kebanyakan tradisi Linggi, orang Linggi berasal daripada 'sebatang sahaja, iaitu daripada zuriat yang satu kerana Datuk Awaludin dan kakaknya Datuk Serilah adalah adik-beradik kandung' (Mohamad Ali bin

Haji Abdul Aziz, 1960:24). Orang Linggi boleh diumpamakan sebagai padi setangkai. Mereka adalah keturunan orang Bugis generasi kedua di Riau.

Sebagai masyarakat yang berasal daripada 'sebatang dan setangkai padi' dan berketurunan Bugis pula maka orang Linggi tidak membahagikan atau mengelompokkan ahli masyarakatnya kepada kelompok-kelompok suku atau pecahan suku (seperti perut ruang ataupun rumpun) seperti yang dilakukan oleh masyarakat Adat Perpatih dan Adat Temenggung. Sebagai orang keturunan Bugis mereka adalah masyarakat yang menjuraikan keturunan mereka melalui nasab bapa (patrilineal). Pada dasarnya mereka lebih mengutamakan anak lelaki daripada anak perempuan, iaitu sesuai dengan hukum syarak yang menjadi landasan utama adatnya. Bagaimanapun, apabila hendak menentukan hak kewarisan seseorang itu, keturunan daripada pihak ibu (perempuan) adalah dipakai juga. Ada tiga cara yang jelas bagaimana waris Linggi dapat ditentukan, iaitu:

1. Jika kedua-dua ibu bapa waris, anaknya pun waris.
2. Jika ayah waris dan ibu bukan waris, anaknya waris.
3. Jika ibu waris dan ayah bukan waris, anaknya waris.

Sistem kemasyarakatan wilayah Linggi ini telah berubah serentak dengan pembaharuan cara perlantikan Datuk Muda pada tahun 1932. Mulai sekitar tahun tersebut, masyarakat Linggi telah dibahagikan kepada kelompok-kelompok perut. Perut-perut tersebut ialah Perut Solok, Perut Hilir dan Perut Pangkalan. Dalam masa pemerintahan Datuk Muda Syed Ahmad masyarakat Linggi telah dikategorikan kepada tiga jenis mengikut taraf kelahiran. Ketiga-tiga kelompok baru itu ialah waris, anak waris dan anak pusaka. Golongan anak waris pula dapat dipecahkan kepada dua jenis, iaitu:

1. Waris pusaka, iaitu keturunan daripada perut ayah. Waris jenis ini tidak boleh menyandang pusaka.
2. Waris berpusaka, iaitu keturunan daripada nasab ibu (perempuan). Waris ini berhak menyandang pusaka Datuk Muda Linggi (Mohamad Ali bin Haji Abdul Aziz, 1960:28-9).

Anak waris ialah mereka yang beribukan orang Linggi tetapi berayahkan orang luar. Anak pusaka pula ialah mereka yang beribukan orang Linggi tetapi beribukan orang luar.

### ADAT ISTIADAT PERKAHWINAN

Pemilihan jodoh di kalangan masyarakat Linggi adalah berdasarkan hukum syarak. Tidak seperti Adat Perpatih, Adat Linggi tidak melarang perkahwinan sewaris. Nikah kahwin antara ahli sanak ibu dan sanak datuk adalah perkara biasa bagi masyarakat Linggi kerana pemilihan jodoh demikian tidak dilarang oleh syarak. Seperti larangan perkahwinan yang dianjurkan oleh syarak maka di Linggi terdapat dua jenis larangan pemilihan

jodoh, iaitu perkahwinan dengan zuriat dan antara saudara susu. Dengan kata lain, masyarakat Linggi melarang perkahwinan antara muhrim.

Sejauh yang dicatatkan, mas kahwin di kalangan masyarakat Linggi pada zaman sebelum pemerintahan Datuk Muda Mohamad Bastam, terbahagi kepada tiga kategori, iaitu mas kahwin bagi waris ialah \$40.00, untuk orang datang atau orang luar ialah \$28.00 dan teman atau hamba, mas kahwinnya ialah \$10.00. Datuk Muda Mohamad Bastam telah mengubah pembayaran mas kahwin ini, iaitu \$40.00 kepada semua lapisan. Bayaran mas kahwin ini telah diubah lagi pada masa pemerintahan Datuk Muda Syed Ahmad. Beliau telah membezakan mas kahwin bagi waris ialah \$48.00 dan anak pusaka \$40.00.

Adat istiadat atau upacara perkahwinan di kalangan masyarakat Linggi adalah ringkas. Mereka tidak menggunakan kata-kata perbilangan adat seperti yang dilakukan di kalangan masyarakat Adat Perpatih, dalam mana-mana peringkat, iaitu merisik, meminang atau hari langsung dan adat istiadat perkahwinan. Upacara nikah kahwin dalam masyarakat ini selalunya diadakan dalam tempoh sehari sahaja. Hari langsung dan hari menyalang dilaksanakan pada hari yang sama, iaitu sesudah langsung di rumah pengantin perempuan, kedua-dua pengantin akan pergi menyalang ke rumah pengantin lelaki dan kemudian balik semula ke rumah pengantin perempuan pada hari itu juga.

Pada hari akad nikah, pihak perempuan harus mengadakan upacara menjemput pengantin lelaki. Pengantin lelaki tidak mahu datang ke rumah pengantin perempuan jika tidak dijemput. Dalam upacara menjemput ini, pihak pengantin perempuan harus membawa bersamanya satu paha yang diisi dengan berbagai-bagai kuih 'penghantar'. Kuih-muih itu akan dibahagikan kepada kawan-kawan pengantin lelaki; dan sesudah itu barulah beliau meninggalkan rumahnya pergi ke rumah pengantin perempuan untuk upacara selanjutnya. Cara menghantar paha dalam upacara menjemput pengantin lelaki itu kemudian berubah. Sebuah meja kecil dibuat khas dan meja itu diisi dengan kuih-muih seperti penganan, dodol,<sup>2</sup> pulut himpit, kuih kering dan berbagai-bagai kuih moden (Mohamad Ali bin Haji Abdul Aziz, 1960:31).

Upacara-upacara lain seperti berarak dan mandi di pelantar juga dijalankan. Selepas tamat upacara perkahwinan, kedua-dua pengantin juga akan menjalankan adat menziarahi saudara-mara kedua-dua belah pihak. Hari ini, seperti juga adat-adat Melayu di tempat lain, banyak yang telah ditinggalkan.

Di dalam majlis nikah kahwin itu, pembesar-pembesar Linggi turut hadir. Pembesar-pembesar itu menjadi saksi serta menengokkan adat, iaitu mengirakan wang mas kahwin dan hantaran. Wang mas kahwin mestilah mengikut adat tetapi hantaran adalah bebas, iaitu mengikut kemampuan masing-masing. Pembesar-pembesar tidak ada tempat khas dan istimewa

dalam majlis itu. Namun, Datuk Muda Linggi, dalam majlis itu diberikan hidangan istimewa. Hidangan bagi beliau mestilah bertudung, yakni hidangannya diletakkan di atas paha yang bertudung, nasinya di atas semberip dan cerek digunakan untuk air basuh tangan.

Selain perkahwinan biasa, perkahwinan tidak lazim juga berlaku di kalangan masyarakat Linggi. Antara bentuk kahwin tidak lazim iaitu merumah dan menyerah. Jika berlaku bentuk perkahwinan tersebut, adatnya ialah dua kali ganda, iaitu satu daripadanya ialah sebagai bayaran satu hati kepada ibu bapa pihak perempuan. Perkahwinan ganti tikar iaitu berkahwin dengan adik isteri yang telah meninggal dunia pernah juga berlaku di kalangan masyarakat Linggi, tetapi pada abad ke-20 ini, bentuk perkahwinan ini jarang sekali ditemui.

### PEWARISAN HARTA PUSAKA

Mengikut aturan Adat Linggi, harta pusaka lazimnya diturunkan kepada anak lelaki dan perempuan mengikut yang diterangkan oleh surat wasiat ataupun mengikut apa yang dipesankan. Seandainya tiada amanah seperti itu maka pembahagian harta itu dilakukan mengikut dua cara, iaitu pertama secara muafakat adik-beradik, dan kedua mengikut hukum syarak, iaitu secara faraid. Sekiranya permuafakatan adik-beradik tidak tercapai, pembesar-pembesar Linggi, sesuai dengan gelaran mereka sebagai ibu dan bapa Linggi, akan campur tangan dan menasihatkan mereka yang berkenaan supaya membahagikan harta itu secara faraid.<sup>3</sup> Ini hanya berlaku sekiranya pembesar-pembesar dimaklumkan tentang perkara itu.

Rumah biasanya diturunkan kepada anak perempuan yang bongsu. Bagaimanapun saudara-maranya baik lelaki ataupun perempuan boleh tinggal di situ jika mereka tidak mempunyai rumah lain atau rumah sendiri.

Dalam kes perceraian suami isteri, harta pasangan tersebut adalah dibahagi mengikut hukum syarak. Rumah yang baru dibuat biasanya ditinggalkan kepada isteri. Setakat ini belum ada kes yang pihak lelaki (bekas suami) menuntut bahagian.

1. Untuk keterangan lanjut tentang perbezaan dan persamaan antara Adat Temenggung dengan Adat Perpatih lihat Norhalim Hj. Ibrahim, 1983a; 1983b; 175-91; dan 1993.

2. Di Linggi, dodol dan penganan itu berlainan; dodol berwarna kuning dan penganan pula hitam warnanya.

3. Mengikut cara faraid dua bahagian daripada harta itu adalah untuk anak lelaki dan sebahagian adalah untuk anak perempuan.